

# Hadir majlis rakan bukan Islam harus

Usah ragu makanan dihidang

**?** Jika saya menerima jemputan menghadiri majlis makan yang dianjurkan kenalan bukan beragama Islam, adakah boleh saya memakan makanan dihidangkan walaupun makanan itu halal sedangkan cara penyediaannya diragui?

**!** Menghadiri majlis makan yang dianjurkan oleh sahabat bukan Islam adalah harus (dibolehkan). Begitu juga memakan hidangan yang disediakan oleh golongan bukan Islam jika kehalalannya diyakini. Jika didapati sebaliknya (makanan itu didapati haram), maka hukum memakannya adalah haram sama sekali.

Mencari yang halal itu adalah wajib. Namun, ia tidak bererti seseorang itu terlalu berhati-hati sehingga menyebabkan kepada was-was dan menyukarkan kehidupannya. Atas dasar itulah Islam tidak membenarkan kita menyelidik sehingga menyebabkan kesulitan yang teramat kepada umat Islam.

Justeru, semua jenis makanan yang kita lihat w mata kasar atau mendengar sendiri perakuan ikhlas daripada tuan punya majlis (walaupun dia bukan beragama Islam) bahawa makanan dihidangkan halal dimakan umat Islam, maka hukum memakannya adalah halal dan tidak perlu diragui akan kesuciannya.

Pernah suatu ketika, Aisyah dihadihkan kepada keluarganya daging haiwan yang disembelih. Masalahnya, orang yang menghadihkan itu baru sahaja memeluk Islam. Ragu-ragu terhadap daging itu, Aisyah bertanyakan kepada Nabi SAW. Lantas Baginda SAW menjawab: "Sebutlah nama Allah SWT pada daging itu dan makanlah."

Ulama berpendapat, Nabi SAW seakan-akan melarang Aisyah daripada terus bertanyakan dan risau terhadap hal itu. Bahkan Nabi SAW juga tidak bersungguh-sungguh menanyakan hal itu kepada Aisyah. Apatah lagi bertanyakan hal demikian kepada pemilik asal yang memberikan daging berkenaan.



**DR MOHD IZHAR ARIFF MOHD KASHIM**

## Berdakwah secara hikmah ajak bapa berubah

**?** Apakah perkara yang patut dilakukan seorang anak jika bapanya yang usia hampir mencecah 50 tahun malas melakukan suruhan Allah seperti mengerjakan solat, puasa dan sebagainya. Apakah keupayaan seorang anak apabila menghadapi situasi sebegini selain memanjatkan doa ke hadirat Ilahi supaya dibukakan pintu hati bapanya.

**!** Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan Allah semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada mereka atau kedua-duanya telah menjangkau umur tua, maka mereka mestilah dalam jagaanmu. Oleh sebab itu janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan 'Hah' dan janganlah engkau menengking, menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (bersopan santun)." (Surah Isra', ayat 23)

Ayat ini secara jelas mengharuskan anak berkelakuan kasar

dan biadap terhadap kedua-dua ibu bapa mereka, walaupun mereka berlainan agama, cara hidup dan fasik. Begitulah juga jika mereka tidak solat dan seumpamanya.

Jika hal seperti ini berlaku kepada ibu bapa sebahagian umat Islam, maka adalah menjadi kewajipan anak untuk menasihati mereka secara berterusan tanpa berputus asa. Walau bagaimanapun, ia bukanlah satu alasan untuk membenarkan anak bersikap kurang ajar atau kasar terhadap ibu bapa mereka.

Bahkan sifat hormat-menghormati perlu ditingkatkan apabila mendekati mereka untuk berdakwah secara berhikmah. Insya Allah dengan usaha berterusan, ibu bapa yang lalai akan mendapat hidayah dan kembali ke pangkal jalan.

Oleh sebab itulah Allah SWT mendidik Nabi SAW supaya sentiasa berdakwah secara hikmah seperti mana firman-Nya yang bermaksud: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah, kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik." (Surah al-Nahl, ayat 125).

ialah pensyarah Fiqh  
Kepenggunaan  
Semasa Jabatan  
Syariah, Fakulti  
Pengajian Islam  
Universiti  
Kebangsaan Malaysia